



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN**  
**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN**  
**PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

**1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

- 1.1** Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak

**2.0 PERATURAN AM**

- 2.1** Pertandingan akan dijalankan mengikut Peraturan Pertandingan ‘FIQ’ yang berkuatkuasa serta telah diterima pakai oleh Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC).
- 2.2** Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang asal akandipatuhi.
- 2.3** Kejadian di luar jangkaan yang tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan sepertiberikut:
- 2.3.1 Sebarang kejadian perkara-perkara bukan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 2.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berasaskan kepada Peraturan Pertandingan ‘FIQ’ yang berkuatkuasa serta telah diterima pakai oleh Kongres Tenpin Boling Malaysia(MTBC).
- 2.3** Mematuhi Peraturan Tetap dan Peraturan Am SUKANDVS.
- 2.4** Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini.
- 2.5** Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah **MUKTAMAD**.

**3.0 PENDAFTARAN**

- 3.1** Setiap kontinen hendaklah mendaftarkan (1) pasukan dan setiap pasukan hendaklah mengandungi:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	PENGURUS PASUKAN	1 ORANG
2	PESERTA KATEGORI LELAKI TERBUKA	3 ORANG
3	PESERTA KATEGORI WANITA TERBUKA	3 ORANG
4	VIP ( JEMPUTAN )	1 ORANG
<b>JUMLAH</b>		<b>8 ORANG</b>



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN**  
**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN**  
**PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

- 3.2** Pendaftaran nama-nama pemain, pengurus/jurulatih hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 3.3** Hanya pemain-pemain berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambilbahagian.
- 3.4** Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan berhak meminta kad pengenalan bagi tujuan pengesahan/pemeriksaan kesahihan pemain pada bila-bila yang difikirkan perlu.
- 3.5** Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.

**4.0 CARA PERTANDINGAN**

- 4.1** Acara yang akan dipertandingkan adalah mengikut kategori. Kategori Lelaki dan Kategori Wanita.
- 4.2** Semua pasukan akan bermain sebanyak 5 'games'. Pasukan yang menjatuhkan jumlah pin terbanyak akan diisyiharkan sebagai pemenang.
- 4.3** Semua Pasukan / Pemain akan diundi untuk menentukan lorong dipermulaan pertandingan.
- 4.4** Pasukan / Pemain akan bermain acara bergilir-gilir di sepasang lorong / lorong bersebelahan. Setelah tamat blok pertama dan untuk blok-blok seterusnya, pasukan / pemain akan bertukar ke lorong lain / sepasang lorong bersebelahan dan seterusnya sehingga tamat semua pertandingan. Pasukan / Pemain akan juga bertukar pasangan / lawan apabila bertukar lorong di blokbaru.
- 4.5** Semua pasukan / pemain mestilah bermain mengikut susunan yang telah daftarkan dalam permainan (*game*) pertama.
- 4.6** **Sekiranya didapati ada pasukan yang MENUKAR PEMAIN semasa permainan (*game*) blok yang sama atau blok kedua atau ketiga, pasukan itu akan hilang kelayakannya tanpa apa-apa amaran lagi (dibatalkan).**

**5.0 PEMBERIAN MATA DAN PENENTUAN KEMENANGAN**

- 5.1** Pemenang Keseluruhan acara Tenpin Boling Berpasukan ialah melalui **jumlah keseluruhan jatuh pin terbanyak** dalam kategori masing – masing.
- 5.2** Sekiranya setelah semua perlawanan selesai, dua pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah pin yang sama, maka susunan kaedah berikut akan diambil-kira untuk menentukan pemenang:-



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN**  
**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN**  
**PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

- a) Jumlah terbanyak jatuhan pin pasukan di permainan terakhir ke semua acara (*game* ke 15) dianggap sebagai pemenang;
- b) Jika kedudukan yang sama, jumlah terbanyak jatuhan pin pasukan di permainan terakhir sebelumnya akan dianggap pemenang dan begitulah seterusnya sehingga pemenang diperolehi.
- c) Jika masih juga sama, pemenang bersama akan diisyiharkan.

## **6.0 MASAPERTANDINGAN**

- 6.1 Pertandingan akan dijalankan selama dua (2) hari sekiranya jumlah penyertaan melebihi 13 pasukan bagi setiap kategori iaitu:-**
  - Akan dijalankan kategori Lelaki berpasukan dahulu
  - Diikuti kategori Wanita berpasukan dan VIP pada hari yang ditentukan
- 6.2 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh **JAWATANKUASA PENGELOLA**.**
- 6.3 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di lorong permainan **tiga (30) minit** sebelum perlawanan dimulakan. Pasukan atau Individu yang datang lewat selepas tiga (3) frame berjalan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** bermain untuk game tersebut. Mereka dibenarkan bermain untuk game berikutnya.**
- 6.4 Pasukan atau individu yang enggan bermain pada waktu yang dijadualkan itu akan dianggap sebagai menarik diri (iaitu memberi '*walk-over*')**
- 6.5 Pasukan atau individu yang menarik diri atau memberi '*walk-over*' dalam suatu permainan akan hilang kelayakannya untuk bermain dalam acara-acara kemudian dan segala kedudukan atau hadiah yang telah dimenangi olehnya terlebih dahulu akan menjadi luput.**
- 6.6 Pasukan atau peserta individu hanya dibenarkan menarik diri atau menghentikan permainan pada pertengahan sesuatu acara jika salah seorang pesertanya telah cedera dan dinasihatkan oleh Pegawai Perubatan untuk menamatkan pertandingan.**
- 6.7 Pasukan atau Peserta individu yang menarik diri dari sesuatu acara tanpa sebab yang baik akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakansusulan.**
- 6.8 Walau bagaimanapun, tiada sebab bagi pasukan-pasukan memberi kemenangan percuma. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan melaporkan kepada Ketua Kontinjen agar mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dan bertanggungjawab**



TENPIN BOLING LELAKI / WANITA

## 7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN

- 7.1 Adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta untuk mengesahkan keputusan perlawanan dan skor yang diperolehnya selepas setiap blok.
- 7.2 Keputusan setelah disahkan hanya boleh diubah dengan kebenaran Pengurus Pertandingan.

## 8.0 GANGGUAN PERMAINAN

- 8.1 Pengurus Pertandingan mempunyai kuasa muktamad untuk membuat arahan supaya permainan yang terganggu disambung pada sepasang lorong baru sekiranya lorong di mana permainan itu berlangsung ditimpa masalah kerosakan mesin.
- 8.2 Permainan (*game*) yang terganggu itu mesti disambung dari frame di mana gangguan itu berlaku.

## 9.0 BERMAIN DI ATAS LORONG YANG SALAH

- 9.1 Bila seseorang peserta bermain dalam lorong yang salah dan kesalahan ini ditemui sebelum peserta lain membuat balingannya, maka balingan itu akan dianggap sebagai 'bola mati' (*Dead Ball*) dan peserta tersebut dikehendaki bermain frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.
- 9.2 Sekiranya kesalahan itu hanya ditemui selepas peserta kemudian membaling bolanya, maka mata yang diperolehi itu akan diambil kira dan peserta tersebut dikehendaki bermain semula frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.

## 10.0 'PACER'

- 10.1 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan mempunyai kuasa untuk melantik seseorang 'pacer' sekiranya ada 'walk-over' dalam suatu acara atau bilangan peserta dalam acara itu tidak mencukupi.

## 11.0 MEMPERLAHANKAN PERMAINAN (SLOWBOWLING)

- 11.1 Seseorang peserta yang bersedia untuk membaling bolanya harus mengetahui tentang hak dan obligasinya seperti berikut:-
  - 11.1.1 Mereka berhak untuk bermain terlebih dahulu (*right of way*) terhadap peserta yang berada di atas lorong sebelah kirinya.
  - 11.1.2 Mereka harus memberi laluan kepada peserta yang berada di atas lorong di sebelah kanannya
  - 11.1.3 Semua peserta harus bersedia untuk bermain bila sampai gilirannya dan tidak harus melambatkan permainan itu.
  - 11.1.4 Sekiranya didapati ada peserta yang tidak mematuhi peraturan 12.1.3 di atas, dia akan diberi amaran dengan isyarat kad putih



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI

**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN**  
**KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN**  
**PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

untuk kesalahan yang pertama (tiada penalti), dan kad kuning atas kesalahan yang kedua (tiada penalti). Untuk kesalahan yang ketiga dan berikutnya dalam sesuatu blok permainan, peserta tersebut akan diberi kad merah dan kosong (0) mata untuk frame tersebut.

**Nota:** Definasi untuk suatu blok permainan adalah tiga (3) *games*.  
Amaran yang diberikan itu tidak akan dibawa dari satu blok ke blok yang lain.

**12.0 KEHILANGAN SKOR SEMASA GANGGUANELEKTRIK**

- 12.1 Sekiranya berlaku sebarang '*black out*' dalam TV Monitor di mana skor sesuatu permainan yang sedang berlangsung itu hilang dan tidak dapat dipulih, maka peserta-peserta yang berkenaan dikehendaki bermain semula game tersebut. Akan tetapi, jika skor telah dicatatkan maka iaakan bersambung dari *frame* mana ia berhenti sebelumini.
- 12.2 *Game-game* yang mana skornya telah direkodkan itu akandikekalkan.
- 12.3 Pasukan dan peserta tidak boleh mengambil kesempatan ini untuk meminta sesuatu permainan itu dibatalkan atau dimainkan semula pada waktu '*black out*' seumpama ini.

**13.0 WAKTU BERMULA SESUATUPERLAWANAN**

- 13.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Pengelola.

**14.0 LARANGAN**

- 14.1 Peserta-peserta adalah dilarang dari merokok, minum minuman keras atau berada dibawah pengaruh alkohol semasa pertandinganberlangsung.
- 14.2 Sekiranya didapati ada peserta yang melanggar peraturan ini, beliau akan diarah supaya berhenti dari pertandinganini.
- 14.3 Sekiranya berlaku perkara seperti ini, Pengurus Pertandingan harus membawa kes ini kepada Jawatankuasa Tatatertib supaya peserta ini digantung dari seluruh pertandingan. Beliau juga akan dikenakan tindakan disiplin lain yang dianggap sesuai.
- 14.4 Minuman bukan alkohol adalahdibenarkan.
- 14.5 Minuman dan tepung serta sebagainya tidak boleh ditinggalkan di atas meja konsole.
- 14.6 Sebarang bentuk pertaruhan/judi adalah dilarang. Tindakan susulan seperti di **PERATURAN AM PERKARA 24** akan dikuatkuasakan.
- 14.7 Pengurus/ Pemain tidak dibenar mengganggu pasukan lain yangbertanding.



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN  
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

**15.0 PAKAIAN**

- 15.1 Semua Pasukan/Peserta mesti memakai pakaian seragam.
- 15.2 Peserta-peserta dikehendaki memakai seluar panjang(slack).
- 15.3 Skirt, seluar pendek, jeans, track bottom dan t-shirt kolar bulat **tidak dibenarkan**.

**16.0 PENGADIL**

- 16.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pegadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada Peraturan Am.
- 16.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

**17.0 DISIPLIN PASUKAN**

- 17.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindak antara tertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpanduan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 17.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am.

**18.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH  
KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA**

- 18.1 Sebagaimana terkandung didalam Peraturan Am Perkara 18.

**19.0 JAWATANKUASA TATA TERTIB / JURIRAYUAN**

- 19.1 Sila rujuk Peraturan Am Perkara 21, Perkara 22 dan Perkara 23.

**20.0 JADUAL PERLAWANAN**

- 20.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

**21.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH**

- 21.1 Sila rujuk Peraturan Tetap Perkara 12.



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN  
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN  
PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA KEMENTERIAN  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**



**TENPIN BOLING LELAKI / WANITA**

**22.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGKI**

Nama	:	Mohd Shahrul Azrin Bin Mohd Akhir
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Tenpin Boling Berpasukan
No. H/P	:	017-7436096
emel	:	sukandvs@gmail.com

Nama	:	
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Tenpin Boling Berpasukan
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	Khairul Adzlin
Jawatan	:	Setiausaha Sukan Tenpin Boling Berpasukan
No. H/P	:	012 – 531 3403
emel	:	sukandvs@gmail.com